



**GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG**  
**11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG**  
 Tel: 03-87387404/ 03-87331154  
<http://www.hfckajang.org.my>  
 email: holyfamily@archkl.org



Scan for updates

**Waktu Urusan Pejabat Paroki**  
 Isnin -Jumaat – 9.00PG - 5.00PTG  
 Sabtu – 9.00PG - 1.00PTG  
 Ahad & Cuti Umum - TUTUP

**PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA**  
**PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA**  
**PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE**


**MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)**  
**SR. MARGARET PEREIRA RGS**  
[marge.0190705@gmail.com](mailto:marge.0190705@gmail.com)

## MISA DI PAROKI

Hari	Tarikh	Masa	Aktiviti	Deskripsi
Sabtu	01 Mac	7.00am 5.30pm 6.00pm 6.00pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris Misa di Chapel St. Anthony, Sedang	Liturgi Harian
Ahad	02 Mac	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Hari Minggu Biasa ke-8
Isnin	03 Mac	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Selasa	04 Mac	7.00am 8.00pm	Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Tamil/BM	Liturgi Harian Misa Persiapan Rabu Abu
Rabu	05 Mac	6.30am 8.00pm	Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Inggeris /Mandarin	Rabu Abu
Khamis	06 Mac	7.00am	Mass in English	Liturgi Harian
Jumaat	07 Mac	7.30pm 8.00pm	Jalan Salib (Eng/Mandarin) Misa Bah. Inggeris	SS. Perpetua & Felicity (m)
Sabtu	08 Mac	7.00am 5.30pm 6.00pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Ahad	09 Mac	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Hari Minggu Pertama Prapaskah

### Hari untuk Berpuasa dan Berpantang (Rabu Abu)

Sila ambil perhatian bahawa Rabu Abu adalah hari untuk berpuasa (bagi yang berumur 18-59 tahun) dan berpantang (semua umat Katolik yang dibaptis). Puasa dengan makan hanya satu hidangan penuh ditambah dengan dua makanan ringan yang lebih kecil.



### MEJA BANTUAN

BECCOT akan menyediakan 'Meja Bantuan' dengan sukarelawan dari komuniti kami.

1. Ia bertindak sebagai titik hubungan untuk para umat, pelawat atau orang yang mencari maklumat atau bantuan, untuk menghubungkan orang ramai dengan ministri atau program yang berkaitan.
2. Borang berkaitan akan disediakan daripada Meja Bantuan: pendaftaran baharu umat, permintaan untuk pemberkatan rumah, persembahan Misa, pembaptisan bayi, senarai semak untuk perkahwinan, dan borang pertanyaan RCIA.
3. Kaunter ini akan disediakan di book barrow selepas setiap misa hujung minggu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan bermula dari 2 Mac 2025.



### PROGRAM KUBM HFK

#### 1) Formasi Liturgi

Tarikh: **8 & 9 Mac 2025**  
 8 Mac (Sabtu) di Gereja HFK  
 9 Mac (Ahad) di Dewan HFK

#### 2) Formasi Prapaskah

Tarikh: **16 Mac 2025 (Ahad)**  
 Masa: 3.30ptg – 6.30ptg  
 Tempat: Dewan HFK

Untuk info dan pendaftaran, sila lawati kaunter di book barrow selepas Misa BM.

# BERITA PAROKI

## MISA BELIA & JALAN DOA UNTUK REMAJA

Sempena dengan sambutan Jubli 2025: Penziarah Harapan, ASAYO KL sukacita menganjurkan program Misa Belia & Jalan Doa Untuk Remaja.

Tarikh: 8<sup>hb</sup> Mac 2025, bagi yang berumur 18-39 tahun

Bermula pada 9:00 PG – Sarapan & taklimat di Archdiocesan Pastoral Centre, KL

10:15 PG – Jalan Doa Cathedral of St. John

11:30 PG – Misa Belia di Cathedral diikuti dengan Makan Tghari & fellowship

Sumbangan minima: RM 15

Mereka yang berminat boleh mendaftar melalui <http://asayokl.my/youthmass2025>.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini sila hubungi:

[jeshua@asayokl.my](mailto:jeshua@asayokl.my) atau WhatsApp +60185903889.



## KEM BELIA

Vacanzina Ragazzi 2025 (Kem Belia) dianjurkan oleh Communion and Liberation.

" Apa yang saya nampak pada anda saya nampak pada diri saya " pada

28-30 Mac di Semenyih Eco Venture Resort.

Terbuka kepada remaja dan dewasa muda, ini adalah acara hujung minggu permainan dan penemuan, lagu dan persahabatan.

Untuk info lanjut sila hubungi Ivana 017-386 0921



## Kebersihan Tanah Perkuburan HFK

Bagi memastikan Kesucian Tanah Perkuburan Holy Family di Jalan Bukit, bersih & bebas daripada sampah sarap, Pengurusan Gereja telah memutuskan untuk meletakkan tong sampah di pintu masuk Perkuburan. Para umat diingatkan supaya membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan. Ini termasuk bunga kering, botol air kosong atau lilin terpakai dan lain-lain. Sila elakkan daripada membuang makanan atau bahan binaan ke dalam tong sampah atau kawasan sekitarnya. Para umat juga diingatkan supaya tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka. Menjaga Tanah Perkuburan bersih dan bebas daripada sampah adalah tanggungjawab semua orang, oleh itu kami memohon kerjasama yang baik daripada semua umat dalam membantu kami, mencapai objektif ini.



## Ministri Pelayanan Penjara

Ministri Pelayanan Penjara HFC akan menganjurkan Kempen Sumbangan Prapaskah bagi **pakaian terbuang** (yang masih boleh digunakan) atau baru, untuk **bayi/anak kecil (0-3 tahun)**, bagi membantu para ibu dan Penjagaan Anak di penjara. Jika anda mempunyai pakaian seperti diatas, mohon untuk mendermakan kepada mereka yang memerlukan.

Tarikh: 15/3, 16/3 & 22/3,23/3 (Selepas Misa)

Tempat: Book Barrow Hubungi: Suraj 012-3275902



## Ulangtahun ke-125 Paroki Holy Family

Ketika kita menghampiri peristiwa penting 125 tahun paroki kita, kami akan menjual beg kanvas dengan logo ulangtahun 125 tahun paroki kita. Beg ini akan dijual mulai 22/2/2025 dan seterusnya semasa misa hujung minggu pada harga RM10.00 setiap beg.



## Persiapan Musim Prapaskah

- Misa Persiapan Rabu Abu pada 04 Mac 2025 jam 8mlm (Tamil/BM)
- Misa Rabu Abu pada 05 Mac 2025 - 6.30pg (Eng) & 8.00mlm (Eng/Mandarin)
- Upacara Pemilihan untuk tahun 2025 akan diadakan pada 09<sup>hb</sup> Mac, (Ahad) jam 3.30ptg
- Jalan Salib setiap Jumaat pada musim Prapaskah jam 7.30ptg diikuti dengan Misa.

TERIMA KASIH ATAS  
SUMBANGAN ANDA

22/2 & 23/2/2025

Pungutan Hujung Minggu:

RM 16, 816.00

THANK YOU FOR  
YOUR TITHES &  
OFFERINGS!